

# Kelantan turut beri bonus kepada 5,000 kakitangan

KOTA BHARU 23 Sept. Seramai 5,000 kakitangan kerajaan negeri Kelantan akan turut menerima bonus sebulan gaji atau minimum RM1,200 sebagaimana yang bakal dinikmati oleh kakitangan Kerajaan Pusat.

Timbalan Menteri Besar, Datuk Abdul Halim Abdul Rahman berkata, pembayaran bonus itu melibatkan peruntukkan berjumlah RM7 juta.

Menurut beliau, kerajaan negeri sentiasa mengikut langkah Kerajaan Pusat dari segi pembayaran bonus selaras dengan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa membentangkan Bajet 2003 di Parlimen, Jumaat lalu.

"Bagi pembayaran bonus kepada kakitangan kerajaan negeri, biasanya memang kita ikut kadar yang diumumkan Kerajaan Pusat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pelepasan peserta Kembara Merdeka 2002 bagi Wilayah Timur di pekarangan luar Istana Balai Besar di sini, hari ini.

Program Kembara Merdeka 2002 dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Hadir sama ialah Ketua Pengarah DBP, Datuk Abdul Aziz Deraman.